

<p>PRODUCT DISCLOSURE SHEET / LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Read this Product Disclosure Sheet (PDS) before you decide to apply for the Personal Financing-i. Be sure to also read the terms in the Letter Offer (if applicable). Seek clarification from Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) if you do not understand any part of this document or the general terms of this Facility.) / (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Peribadi-i. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat-syarat di dalam Surat Tawaran (jika berkenaan). Sila dapatkan penjelasan daripada Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am bagi kemudahan ini.)</p>	<p>AL RAJHI BANK PERSONAL FINANCING-i / PEMBIAYAAN PERIBADI-i AL RAJHI BANK</p> <p>This PDS is dated / LPP ini bertarikh</p> <p>..... (Date issued to customer / Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan)</p>
<p>1.</p>	<p>What is this product about? / Apakah produk ini? This is a Shariah-compliant unsecured financing facility offered to meet your personal financial needs. The facility is offered at a fixed rate. / Ini adalah kemudahan pembiayaan tanpa jaminan yang ditawarkan untuk memenuhi keperluan kewangan peribadi anda yang berlandaskan Syariah. Kemudahan ini ditawarkan pada kadar tetap.</p>
<p>2.</p>	<p>What is the applicable Shariah concept / Apakah konsep Shariah yang digunakan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • The method of financing is based on commodity purchase and sale. Under this facility: / Pembiayaan ini adalah berdasarkan konsep jual dan beli komoditi. Di bawah kemudahan ini: <ul style="list-style-type: none"> i. The Bank will sell an identified commodity, for example crude palm oil (CPO) to you at the Sale Price ("Sale Price") which comprises both the financing amount and total profit payable under the facility. The payment of Sale Price will be on deferred basis via fixed monthly instalments over the financing tenure. / Bank akan menjual komoditi sebagai contoh minyak sawit mentah (CPO) kepada anda dengan Harga Jualan Bank ("Harga Jualan") iaitu jumlah pembiayaan dan jumlah keuntungan yang perlu dibayar di bawah kemudahan ini. Pembayaran Harga Jualan adalah secara tangguh melalui ansuran bulanan tetap sepanjang tempoh pembiayaan. ii. Upon purchase of the commodity i.e. the CPO, you will sell it to the market through an agent or the Bank for cash consideration to facilitate your personal financial needs. / Selepas pembelian komoditi tersebut, anda akan menjual semula di pasaran melalui ejen atau Bank untuk mendapatkan tunai bagi keperluan kewangan peribadi anda. iii. The applicable Shariah contract is Commodity Murabahah as explained above / Syariah konsep yang diguna pakai adalah Komoditi Murabahah seperti yang diterangkan di atas. • Contract of Wakalah bil Ujrah (Agent with fee) / Kontrak Wakalah (ejen dengan fi) - An agent appointed and authorized by yourself will act on your behalf with regards to the above sale transactions which based on the contract of Wakalah bil Ujrah (agency with fee) / Ejen yang dilantik dan diberi kuasa oleh anda akan mewakili anda berkaitan dengan transaksi jualan di atas yang berdasarkan kontrak Wakalah bil Ujrah (ejen dengan fi).
<p>3.</p>	<p>What do I get from this product? / Apakah yang saya perolehi dari produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Min Financing Amount / Jumlah pembiayaan : RM5,000 Minima • Max Financing Amount / Jumlah Pembiayaan Maksimum : RM250,000 • The final financing amount approved will depend on the Bank's credit evaluation. / Jumlah pembiayaan akhir yang diluluskan adalah bergantung kepada penilaian kredit oleh pihak Bank. • Profit Rate / Kadar Keuntungan : Ranging from 3.79% to 5.80% p.a. / Bermula dari 3.79% sehingga 5.80% setahun • Effective Profit Rate / Kadar Keuntungan Efektif : Ranging from 6.93% to 10.26% p.a. depending on financing tenure and profit rate / Bermula dari 6.93% sehingga 10.26% setahun bergantung kepada tempoh pembiayaan dan kadar keuntungan • Tenure / Tempoh Pembiayaan : Ranging from 1 to 7 years / Bermula dari 1 sehingga 7 tahun

	<ul style="list-style-type: none"> • Instalment / <i>Ansuran</i> : Equals to the Sale Price divided by the financing tenure in months / <i>Sama dengan Harga Jualan bahagi tempoh pembiayaan dalam bulan</i> • Instalment due date / <i>Tarikh Ansuran Matang</i> : Every 7th of month from the month succeeding the disbursement / <i>Pada setiap 7 haribulan bulan berikutnya selepas pengeluaran pembiayaan</i>
	<p><u>Your facility / Kemudahan anda ini :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Financing Amount / <i>Jumlah Pembiayaan</i> : RM • Profit Rate / <i>Kadar Keuntungan</i> :% p.a. / <i>Setahun</i> • Effective Profit Rate / <i>Kadar Keuntungan Efektif</i> :% p.a. / <i>Setahun</i> • Tenure / <i>Tempoh Pembiayaan</i> : years / <i>tahun</i> • Sale Price / <i>Harga Jualan</i> : RM..... • Instalment / <i>Ansuran</i> : RM..... per month / <i>setiap bulan</i> <p><u>Example / Contoh:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Financing Amount / <i>Jumlah Pembiayaan</i> : RM10,000.00 • Profit Rate / <i>Kadar Keuntungan</i> : 5% p.a. / <i>Setahun</i> • Effective Profit Rate / <i>Kadar Keuntungan Efektif</i> : 9.15% p.a. / <i>Setahun</i> • Tenure / <i>Tempoh Pembiayaan</i> : 5 years / <i>tahun</i> • Sale Price / <i>Harga Jualan</i> : RM12,500 • Instalment / <i>Ansuran</i> : RM208.33 (equals to RM12,500/60 months / <i>bersamaan RM12,500/60 bulan</i>) • Disbursement date / <i>Tarikh pengeluaran pembiayaan</i> : 13th December 2021 • Instalment due date / <i>Tarikh Ansuran Matang</i> : 7th January 2022 and onwards, every 7th of the month / <i>7th Januari 2022 dan seterusnya, pada setiap 7 haribulan</i>
4.	<p><u>What are my obligations? / Apakah tanggungjawab saya?</u></p>
	<ul style="list-style-type: none"> • You must make regular payment of monthly instalments on or before its due date until the full settlement of the financing. / <i>Anda dikehendaki untuk membuat ansuran bulanan pada atau sebelum tarikh ansuran matang sehingga penyelesaian penuh pembiayaan.</i> • The total amount you must pay is the Bank Sale Price. / <i>Jumlah bayaran yang anda perlu bayar adalah Harga Jualan Bank.</i> • You may opt to early settle the financing at any time. / <i>Anda boleh memilih untuk menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal dan pada bila-bila masa.</i>

5.	<p>What are the fees and charges I have to pay? / Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Processing fee / <i>Fi pemprosesan</i> : NIL / TIADA • Stamp duty / <i>Setem Hasil</i> : NIL / TIADA • Bursa Transaction Fee / <i>Fi Transaksi Bursa</i> : 0.0008% of the principal amount of financing/ disbursement / <i>0.0008% daripada jumlah prinsipal pembiayaan/pengeluaran</i> • ARNT Fee (or Agency Fee)/ <i>Yuran ARNT (atau Yuran Ejen)</i> : RM1.00 per transaction/ <i>RM1.00 setiap transaksi</i> • Takaful (if applicable) / <i>Takaful (jika berkenaan)</i> : Subject to the financing amount, tenure and age / <i>Tertakluk kepada jumlah pembiayaan, tempoh dan umur</i> • Redemption Statement Fee (if applicable) / <i>Fi Penyata Penebusan (Jika berkenaan)</i> : RM10.00 per request / <i>bagi setiap permohonan</i> • Bi-Annual Financing Statement Fee / <i>Fi Penyata Tahunan</i> : NIL / <i>Tiada</i>
6.	<p>What if I fail to fulfill my obligations? / Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Customer shall pay (in addition to the instalments then due and payable) compensation on the amount of actual losses and/or expenses incurred by the Bank as a direct result of late payment or compensation at such rates approved by Bank Negara Malaysia, whichever is lower. The late payment compensation charges will not be compounded. / <i>Pelanggan haruslah membayar (sebagai tambahan kepada ansuran tersebut) pampasan atas jumlah kerugian sebenar dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank sebagai akibat langsung daripada pembayaran lewat atau pampasan pada kadar yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, atau yang mana lebih rendah. Pampasan bayaran lewat tidak akan di kompaun:</i> <ul style="list-style-type: none"> a) Overdue Installment or Scheduled Payment: The compensation rate equivalent to one per cent (1%) per annum of the overdue instalment/payment or recovering of actual collection cost per account, whichever is lower / <i>Ansuran atau Bayaran Terlewat: Kadar pampasan yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dari ansuran/bayaran yang lewat atau kos pemulihan kutipan sebenar untuk satu akaun, yang mana lebih rendah</i> b) Recalled/Cancelled/Terminated: The compensation rate equivalent to one per cent (1%) per annum of the outstanding principal amount and accrued profit or recovering of actual collection cost per account, whichever is lower / <i>Ditarik balik/Dibatalkan/Dihentikan: Kadar pampasan yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun daripada jumlah pokok tertunggak dan keuntungan yang telah terkumpul atau kos pemulihan kutipan sebenar untuk satu akaun, yang mana lebih rendah</i> c) Past maturity or Post Judgement: The compensation rate which shall be the prevailing overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate on the outstanding balance (outstanding principal amount and accrued profit) due and payable or any method approved by Bank Negara Malaysia from time to time / <i>Lepas tempoh matang/Selepas penghakiman: Kadar pampasan yang akan merujuk kepada kadar pasaran wang interbank Islam (IIMM) semalaman yang sedang berkuat kuasa ke atas baki tertunggak (jumlah pokok tertunggak dan keuntungan yang telah terkumpul) yang perlu dibayar atau mana-mana kaedah yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.</i> • Right to set-off: We have the right to set-off any credit balance in your account maintained with us against any outstanding balance in this Personal Financing-i account. / <i>Hak untuk menolak selesai: Pihak Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit didalam akaun anda bersama kami bagi tujuan menjelaskan baki tunggakan akaun Pembiayaan Peribadi-i.</i> • Legal action will be taken against you for recovery of non-payment of outstanding amount. The Bank may proceed with bankruptcy or any appropriate legal action against you to recover the outstanding amount. All legal costs related to the recovery action shall be borne by you. / <i>Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda untuk menuntut jumlah tunggakan yang tidak dibayar. Bank boleh meneruskan proses kebangkrapan atau tindakan undang-undang yang bersesuaian bagi tujuan menuntut baki tunggakan. Semua kos undang-undang berkaitan tuntutan akan ditanggung oleh anda.</i>

	<ul style="list-style-type: none"> Legal action against you may affect your credit rating leading to financing being more difficult or expensive to you. / <i>Tindakan undangundang terhadap anda boleh menjejaskan taraf kredit anda yang akan menyebabkan anda sukar untuk mendapat pembiayaan lain.</i>
7.	What if I fully settle the financing before its maturity? / Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sebelum tempoh matang?
	<ul style="list-style-type: none"> The Customer may at any time after the completion of a Sale Transaction early settle or prepay the entire amount of the Bank Sale Price or any part or parts thereof then owing to the Bank as the Bank may in its absolute discretion accept. / <i>Anda boleh pada bila-bila masa selepas Transaksi Jualan membuat penyelesaian awal atau membayar keseluruhan jumlah Harga Jualan Bank atau mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian yang terhutang kepada Bank mengikut budi bicara Bank.</i> The Bank will determine from time to time the ibra' to be granted on the date of early settlement or prepayment of the outstanding Sale Price or any part or parts thereof and that will include in cases of default, termination or cancellation of the Facility. / <i>Dari semasa ke semasa, Bank akan menentukan ibra' yang akan diberikan pada tarikh penyelesaian awal atau pembayaran awal Harga Jualan tertunggak atau mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian dan termasuk kes-kes bayaran tertunggak, penamatan atau pembatalan Kemudahan ini.</i>
8.	Do I need a guarantor or collateral? / Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?
	<ul style="list-style-type: none"> The facility does not require guarantor or collateral. / <i>Penjamin atau cagaran tidak diperlukan untuk memohon kemudahan pembiayaan ini.</i>
9.	What do I need to do if there are changes to my contact details? / Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?
	<ul style="list-style-type: none"> It is important that you inform us of any change in your contact information to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. / <i>Untuk memastikan sebarang surat-menyurat diterima tepat pada masanya, sila hubungi pihak Bank dengan segera sekiranya terdapat perubahan maklumat peribadi anda.</i>
10.	Where can I get assistance and redress? / Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan penyelesaian?
	<ul style="list-style-type: none"> If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at: / <i>Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran bulanan, anda perlu hubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif di alamat berikut. Sila hubungi kami di:</i> Rize Customer Support Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd Ground Floor, East Block Wisma Golden Eagle Realty 142-B Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur Telephone: Customer Support : 1800 81 9149 (Within Malaysia) / +6016-299 6610(Outside Malaysia/ Overseas) 24hrs Fraud Support : +6016-299 5333 (Within Malaysia & From Aboard) email: rize-cs@alrajhibank.com.my Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at: / <i>Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:</i> Level 5 and 6, Menara Aras Raya (Formerly known as Menara Bumiputra Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 03-2616 7766 e-mail: enquiry@akpk.org.my If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at: / <i>Sekiranya anda ingin membuat aduan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami, sila hubungi kami di:</i>

	<p>Rize Customer Support Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd Ground Floor, East Block Wisma Golden Eagle Realty 142-B Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur</p> <p>Telephone: Customer Support : 1800 81 9149 (Within Malaysia) / +6016-299 6610(From Abroad) 24hrs Fraud Support : +6016-299 5333 (Within Malaysia & From Aboard) email: rize-cs@alrajhibank.com.my</p> <ul style="list-style-type: none"> If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at: / <i>Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</i> <p>Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel:1-300-88-5465 e-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
11	<p>Other personal financing packages available / Pakej pembiayaan lain yang disediakan</p>
	<ul style="list-style-type: none"> Besides regular packages, other packages available (among others) are / <i>Selain dari pakej yang biasa, pakej lain yang disediakan (antara lain) adalah:</i> <ul style="list-style-type: none"> Personal Financing-i Secured by Term Deposit / <i>Pembiayaan Peribadi-i dengan Cagaran Deposit Berjangka</i> Personal Financing-i Secured against Gold / <i>Pembiayaan Peribadi-i dengan Cagaran Emas</i>
<p>IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP PAYMENTS ON YOUR PERSONAL FINANCING-i / NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PERIBADI-i ANDA</p>	

**APPENDIX I / LAMPIRAN I
METHOD OF FINANCING**

1. Sale Transaction/ Transaksi Jualan ('Aqad)

- a) The Customer may enter a sale transaction with the Bank. The Bank will offer to sell to the Customer the Commodities (as defined in the Terms and Conditions) for an agreed sale price ("Bank's Sale Price") / *Pelanggan boleh membuat transaksi jualan dengan pihak Bank. Pihak Bank akan menawarkan penjualan Komoditi kepada Pelanggan (seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat) pada harga jualan yang dipersetujui ("Harga Jualan Bank")*
- b) Upon acceptance of the offer by the Customer's agent, a sale transaction between the Parties shall be concluded. / *Setelah menerima tawaran oleh agen Pelanggan, transaksi jualan antara semua Pihak akan diselesaikan*
- c) The Customer at its option may sell the Commodities to the third party. The sale proceeds from the sale of Commodities will be credited into the Customer's account. / *Pelanggan mempunyai pilihan untuk menjual Komoditi kepada pihak ketiga. Hasil jualan daripada penjualan Komoditi akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan*
- d) The sale transaction shall be governed by the terms of the Terms and Conditions, including, without limitation, the representations and warranties, Events of Default and all other terms and conditions and Schedules attached thereof. / *Transaksi jualan akan dikawal oleh Terma-terma dan Syarat-syarat termasuklah, tetapi tidak terhad, perwakilan dan jaminan, Peristiwa Keingkar dan semua terma dan syarat lain serta Jadual yang dilampirkan.*

2. Terms of Sale/ Terma Jualan

- a) The sale transaction will be governed by the terms and conditions of the Terms and Conditions, and sale transaction documents. / *Transaksi jualan akan dikawal oleh Term-terma dan Syarat-syarat, dan dokumen transaksi jualan*
- b) The Customer will obtain the title to the Commodities as the Bank receives from the supplier but free from encumbrances. The Bank does not give any warranty or representation (express or implied) whatsoever, whether arising by law, by statute or otherwise and, without prejudice to the generality of the foregoing, any such warranty or representation by the Bank is hereby expressly excluded to the full extent permitted by any applicable law. / *Pelanggan akan mendapat hak pemilikan Komoditi sebagaimana yang diterima oleh pihak Bank daripada pembekal tetapi bebas dari bebanan. Pihak Bank tidak memberikan apa-apa jaminan atau perwakilan (nyata atau tersirat) apa-apa jua, sama ada yang timbul oleh undang-undang, mengikut statut atau sebaliknya dan, tanpa menjejaskan keluasan perkara di atas, sebarang jaminan atau perwakilan sedemikian oleh pihak Bank dengan ini secara nyata dikecualikan setakat yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang yang terpakai.*
- c) The Customer agrees that in purchasing the Commodities from the Bank, it shall have accepted the Commodities on an "as is, where is, and with all faults" basis, and shall have no remedy against the Bank in respect of quality, condition, quantity, description, title or otherwise. / *Pelanggan bersetuju bahawa ketika pembelian Komoditi daripada pihak Bank, ia hendaklah menerima Komoditi atas dasar "seadanya, dimana ada, dan dengan semua kesilapan", dan tidak ada remedy terhadap pihak Bank berkenaan dengan kualiti, keadaan, kuantiti, diskripsi, tajuk atau sebaliknya*

3. Risk/ Risiko

- a) All risks in the Commodities shall be borne by the Customer immediately at the time when the Sale Transaction is entered. / *Semua risiko dalam Komoditi akan ditanggung oleh Pelanggan serta-merta pada masa Transaksi Jualan dibuat.*

4. Warranties/ Jaminan

- a) The Commodities are sold on an "as is, where is, and with all faults" basis but free from encumbrances. / *Komoditi dijual atas dasar "seadanya, dimana ada, dan dengan semua kesilapan" tetapi bebas dari bebanan*
- b) The Customer acknowledges that: / *Pelanggan mengakui bahawa*
 - i. it shall be considered to have accepted the Commodities on the basis described in (a) above and shall have no remedy against the Bank in respect of quality, condition, quantity, description, title or otherwise; and / *ia hendaklah dianggap telah menerima Komoditi atas dasar yang dinyatakan dalam (a) di atas dan tidak mempunyai remedy terhadap pihak Bank berkenaan dengan kualiti, keadaan, kuantiti, diskripsi, tajuk atau sebaliknya; dan*
 - ii. it waives any claims which it may have against the Bank in respect of any loss or damage which it, or its directors, officers, employees or agents, may suffer by reason of, or arising out of or in connection with the Sale Transaction / *ia akan mengetepikan sebarang tuntutan yang mungkin ada terhadap pihak Bank berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang ia, atau pengarah, pegawai, pekerja atau ejennya, mungkin alami disebabkan atau timbul atau berkaitan dengan Transaksi Jualan.*

APPENDIX III/ LAMPIRAN II
IBRA' ("REBATE") FOR SALE BASED CONTRACTS/ IBRA' ("REBAT") UNTUK JUALAN BERASASKAN KONTRAK
(PERSONAL FINANCE) (PEMBIAYAAN PERIBADI)

Al Rajhi Bank Malaysia ("the Bank") shall grant rebate (ibra') to the Customer on the Bank's Selling Price under the principle of Ibra' as prescribed by the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia (BNM) via its Guidelines on Ibra' (Rebate) for Sale-Based financing. / Al Rajhi Bank Malaysia ("pihak Bank") akan memberikan rebat (ibra') kepada Pelanggan atas Harga Jualan Bank dibawah prinsip Ibra' seperti yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (BNM) melalui Garis Panduan ke atas Ibra' (Rebat) untuk pembiayaan Berasaskan Jualan.

Rebate (Ibra') shall be granted to the Customer who settles their financing facility (ies) before the end of the financing tenure. Settlement prior to the end of the financing facility tenure by the Customers shall include, but is not limited to the following situations/ Rebat (Ibra') akan diberikan kepada Pelanggan yang menyelesaikan kemudahan pembiayaan mereka sebelum tempoh pembiayaan tamat. Penyelesaian sebelum tamat tempoh kemudahan pembiayaan oleh Pelanggan hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada situasi yang berikut:

- Customer who makes an early settlement or early redemption, including those arising from prepayments/ Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuklah yang ada dari bayaran pendahuluan;
- Settlement of this financing facility (ies) due to financing restructuring exercisel/ Penyelesaian kemudahan pembiayaan disebabkan penstrukturan semula pembiayaan;
- Settlement by Customer in the case of default/ Penyelesaian oleh Pelanggan dalam kes keingkaran;
- Settlement by Customer in the event of termination or cancellation of this financing facility (ies) before the maturity date/ Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya penamatan atau pembatalan kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang.

The rebate shall only be granted upon receipt of the settlement/redemption sum as determined by the Bank./ Rebat hanya akan diberikan setelah jumlah penyelesaian/penebusan seperti yang ditentukan oleh pihak Bank diterima.

AlRajhi Bank Malaysia ("the Bank") ibra' (rebate) guidelines on early settlement cases shall be as below/ Garis panduan ibra' (rebate) AlRajhi Bank Malaysia ("pihak Bank") mengenai kes-kes penyelesaian awal adalah seperti dibawah:

Settlement Amount / Jumlah Penyelesaian	=	Outstanding Selling Price + Instalments due (if any) + Recovering of Cost Incurred in Managing Past Due Portfolio + Other Charges (if any) – Ibra' / Harga Jualan Tertunggak + Ansuran (jika berkenaan) + Kos Pemulihan yang Ditanggung dalam Mengurus Portfolio Masa Lalu + Caj-caj yang lain (jika berkenaan) – Ibra'
Ibra' / Ibra'	=	Deferred profit* - Early settlement charges / Keuntungan Tertunggak* - Caj-caj penyelesaian awal
*Deferred Profit / *Keuntungan Tertunggak	=	Unaccrued profit / Keuntungan tidak terakru
Early Settlement Charges / Caj-caj Penyelesaian Awal	=	Difference in price discount (if any) + Redemption statement Fee + Recovery Cost + Other Fees and Charges (if any) / Perbezaan dalam diskaun harga (jika berkenaan) + Fi Penyata Penebusan + Kos pemulihan + Fi dan caj-caj yang lain (jika berkenaan)

Illustration/ Ilustrasi

The customer has taken Personal Financing-i with ARBM of RM 25,000 for 5 years (60 months) at 7.5% fixed rate and the Bank Sale Price was RM 34,375.00. The customer wants to early settle on the 48th month after paying 47 instalments of RM572.92 each. The customer will be given rebate as below subject to the mentioned conditions/ Pelanggan telah mengambil Pembiayaan Peribadi-i bersama ARBM berjumlah RM25,000 for 5 tahun (60 bulan) pada kadar rata 7.50% dan Harga Jualan Bank ialah RM34,375. Pelanggan ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke 48 selepas membayar 47 kali ansuran berjumlah RM572.92 setiap satu. Pelanggan akan diberikan rebat seperti dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan:

Personal Financing-i Information	
Selling price :	RM 34,375.00
Total Profit :	RM 9,375.00
Fixed Rate :	7.50%
Effective Profit Rate (EPR)	13.32%
Financing Period (Year):	5
Principal (COP) :	RM 25,000.00
Monthly Instalment :	RM 572.92

Illustration on the application of formula (Early settlement of financing)/ Ilustrasi penggunaan formula (Penyelesaian awal pembiayaan):

Customer approached ARBM for early settlement at the 48th instalment. Extract of the payment schedule as per below/ Pelanggan menghubungi ARBM untuk penyelesaian awal pada ansuran yang ke 48. Petikan jadual pembayaran seperti dibawah

Payment Schedule							
No.	Payment Date / Tarikh Bayaran	Instalment / Ansuran	Profit Payment / Bayaran Keuntungan	Principal Payment / Bayaran Pembiayaan	Outstanding Selling Price / Harga Jualan Tertunggak	Outstanding Principal / Pembiayaan Tertunggak	Deferred Profit / Keuntungan Tertunggak
					RM 34,375.00	RM 25,000.00	RM 9,375.00
1	1/9/2011	RM 572.92	RM 277.48	RM 295.44	RM 33,802.08	RM 24,704.56	RM 9,097.52
2	1/10/2011	RM 572.92	RM 274.20	RM 298.72	RM 33,229.17	RM 24,405.84	RM 8,823.32
47	1/7/2015	RM 572.92	RM 82.03	RM 490.88	RM 7,447.92	RM 6,900.00	RM 547.92
48	1/8/2015	RM 572.92	RM 76.58	RM 496.33	RM 6,875.00	RM 6,403.67	RM 471.33
49	1/9/2015	RM 572.92	RM 71.07	RM 501.84	RM 6,302.08	RM 5,901.82	RM 400.26

The settlement computation is as below/ Pengiraan penyelesaian adalah seperti dibawah:

Early settlement of financing	
Outstanding Selling Price	RM 6,875.00
Instalment Due but Unpaid at 48th Instalment	RM 572.92
Ibra' At Settlement (a-b)	RM 471.33
a) Deferred Profit	RM 471.33
b) Early Settlement Charges	RM -
Recovering of Cost Incurred in Managing Past Due Portfolio	RM -
Settlement Amount	RM 6,976.59

This Ibra' Table is for the purpose of illustration on the Ibra' calculation only. Actual Ibra' amount granted to the Customer may differ upon the settlement of the financing facility by the Customer and subject to the conduct of the account(s). Please refer to the Bank should you require further explanation on the Ibra' calculation of this Facility. For more information, please call us at: / *Jadual Ibra' ini adalah untuk tujuan ilustrasi pengiraan Ibra' sahaja. Jumlah Ibra' sebenar yang diberikan kepada Pelanggan mungkin berbeza selepas penyelesaian kemudahan pembiayaan oleh Pelanggan dan tertakluk kepada pengendalian akaun. Sila rujuk kepada pihak Bank sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai pengiraan Ibra' bagi kemudahan ini. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

Rize Customer Support
Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd
Ground Floor, East Block Wisma Golden Eagle Realty
142-B Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Telephone:

Customer Support: 1800 81 9149 (Within Malaysia) / +6016-299 6610(From Abroad) 24hrs Fraud Support:
+6016-299 5333 (Within Malaysia & Outside Malaysia/ Overseas)

email: rize-cs@alrajhibank.com.my